

# Hong Seng buka peluang pekerjaan rakyat tempatan

Kedah Rubber  
City peneraju  
pembangunan  
industri getah  
Malaysia

Oleh M Hifzuddin Ikhsan  
dan Noorazura Abdul Rahman  
bhnews@bh.com.my

**Padang Terap:** Syarikat perintis Kedah Rubber City (KRC), Hong Seng Industries yakin mampu membuka pelbagai peluang pekerjaan kepada penduduk negeri ini hasil pelaburan awalnya berjumlah RM3 bilion di KRC.

Pengerusi Bukan Eksekutif Hong Seng Consolidated Berhad, Datuk Mohamed Suffian Awang, berkata pihaknya komited menawarkan peluang pekerjaan membabitkan pekerja mahir, se-

para mahir dan pekerja bawahan.

"Ini kerana industri berkaitan getah amat luas dan strategik untuk negara.

"Pastinya kita memerlukan kebolehan pekerja tempatan dalam pelbagai bentuk kemahiran.

"Jadi kami menjemput mereka yang berkelayakan untuk bersama-sama menjayakan KRC ini yang diinspirasi Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob," katanya ketika ditemui selepas Majlis Perasmian Projek Strategik Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER)-KRC di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Mohamed Suffian berkata, pihaknya sedaya upaya akan merealisasikan hasrat Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor serta NCER untuk mengutamakan pengambilan pekerja anak tempatan untuk membangunkan projek terbabit.

Selain itu, katanya, pihaknya



Ismail Sabri bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Mahdzir Khalid (kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif NCER, Datuk Seri Jebasingam Issace John (kanan) melihat replika tapak Projek KRC ketika merasmikan Majlis Perasmian Projek Strategik NCER-Kedah Rubber City di Padang Sanai, Kuala Nerang, semalam.  
(Foto Luqman Hakim Zubir/BH)

turut mengalu-alukan mereka yang berkebolehan, termasuk vendor untuk menyokong dan mendokong usaha yang bakal dilaksanakan dalam tempoh terdekat.

"Sudah pasti sekiranya ada pembangunan berdekatan KRC ini akan berlaku industri hiran, peniaga dan usahawan kecil dapat dibimbing dan ramai akan merasai limpahan ekonomi khususnya di Padang Terap.

"Industri kecil dan vendor setempat juga akan tumbuh seperti cendawan untuk sama-sama kita bangunkan industri berkaitan," katanya.

Ketika ditanya mengenai pe-

laburan itu turut akan memberi limpahan ekonomi kepada negara jiran atau sebaliknya, Mohamed Suffian berkata, sebagai sebuah keluarga besar ia boleh dinikmati oleh semua lapisan masyarakat.

"Kita tetap mengutamakan Keluarga Malaysia, saya kira kita sebagai keluarga besar KRC dapat dinikmati semua.

"Apa yang kita harus utamakan adalah untuk bangunkan negara kita," katanya.

Sebagai permulaan, KRC menyaksikan pelaburan perintis oleh Hong Seng Industries yang merancang membina kilang getah nitril butadiena (NBL) ter-

besar di dunia dan LTS Logistics yang akan membangunkan ekosistem logistik bersepadu terdiri daripada hab logistik, depot kontena dan gudang.

KRC bakal dibangunkan dalam dua fasa di kawasan seluas lebih 503 hektar adalah salah satu projek strategik nasional Kerajaan Persekutuan yang dilaksanakan NCIA bertujuan menjadikannya peneraju dalam pembangunan industri getah Malaysia serta menjadi hab global.

Fasa satu pembangunan KRC kini bersedia menerima kedatangan pelabur, manakala fasa dua dijadualkan akan bermula pada 2023.